



PENGURUSAN DAKWAH KEPADA SAUDARA BARU DI JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH (JHEAINS) SATU TINJAUN AWAL

MANAGEMENT OF DAKWAH TO MUALAF IN THE SABAH STATE ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS DEPARTMENT (JHEAINS) A PRELIMINARY OVERVIEW

Kamran Pasiran¹, Ahmad Effat Mokhtar²

¹ Pelajar Sarjana Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

² Jabatan Dakwah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah.

Abstrak

Pengurusan dakwah kepada saudara baru merupakan salah satu isu penting yang diberi perhatian oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS). Pengetahuan ilmu agama Islam kepada golongan ini perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa agar kefahaman ajaran Islam dapat diamalkan sebagai seorang Muslim. Pelbagai agensi Islam ingin melihat golongan saudara baru perlu diberi pencerahan yang sewajarnya dalam memahami ajaran agama Islam setelah menerima Islam dan tiada isu-isu besar yang menjadi penghalang untuk mencapai tujuan tersebut. Kajian ini bermatlamat untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemeluk agama Islam. Di samping itu kajian juga bertujuan untuk mengetahui isu-isu yang dihadapi oleh saudara baru setelah memeluk Islam dapat diselesaikan mengikut perancangan yang telah disusun. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan mendapatkan maklumat daripada laporan JHEAINS dan kajian penyelidikan yang terdahulu dari buku, artikel jurnal, artikel prosiding dan tesis dengan menganalisis secara deskriptif. Hasil kajian mendapati pengurusan dakwah kepada saudara baru mencakupi pelbagai aspek seperti pengurusan dalam aspek kelas fardu ain, aspek bantuan kewangan yang melibatkan bantuan sara hidup, pendidikan, sewaan, perniagaan, perkahwinan, pembayaran bil-bil dan sebagainya. Kajian ini mendapati bahawa saudara baru umumnya berpuashati dengan pelbagai bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan dan NGO

Perkembangan Artikel

Diterima: 31 Ogos 2024

Diterbit: 31 Oktober 2024

*Corresponding Author: Ahmad Effat Mokhtar, Pensyarah Jabatan Dakwah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah.

[Email: effat@unipsas.edu.my](mailto:effat@unipsas.edu.my)

kepada mereka, walaupun begitu terdapat beberapa kekurangan dalam pengurusan yang perlu diperkemaskan dari semasa ke semasa untuk menjamin kebajikan saudara baru terjaga. Dapatan kajian ini dapat memberi panduan kepada pendakwah dalam menentukan dan mengaplikasikan pengurusan dakwah yang sesuai kepada saudara baru di JHEAINS.

Kata kunci: Pengurusan dakwah, Pemelukan Islam, Isu-Isu Saudara Baru, JHEAINS

Abstract

The management of dakwah (Islamic outreach) for new converts (muallaf) is one of the key issues given serious attention by the Department of Islamic Religious Affairs of Sabah (JHEAINS). The Islamic religious knowledge of this group needs to be continuously enhanced to ensure that the teachings of Islam can be understood and practiced as Muslims. Various Islamic agencies aim to ensure that new converts receive proper guidance in understanding Islamic teachings after embracing Islam, and that there are no major obstacles preventing this objective from being achieved. This study aims to identify the factors influencing the conversion to Islam. Additionally, it seeks to examine the issues faced by new converts after embracing Islam and how these issues can be addressed according to the plans that have been laid out. This study uses a qualitative methodology by obtaining data from JHEAINS reports and previous research, including books, journal articles, conference proceedings, and theses, analyzed descriptively. The findings show that the management of dakwah for new converts covers various aspects, such as the organization of fardu 'ain (individual obligation) classes and financial assistance, which includes living allowances, education, rental, business support, marriage, utility bill payments, and more. The study found that, in general, new converts are satisfied with the various forms of assistance provided by the government and NGOs. However, there are still some weaknesses in the management system that need to be improved over time to ensure the welfare of new converts is well taken care of. The findings of this study can serve as a guide for da'wah practitioners in determining and applying suitable dakwah management strategies for new converts under JHEAINS.

Keywords: Da'wah Management, Conversion to Islam, Issues of New Converts, JHEAINS

PENDAHULUAN

Kajian ini memfokuskan kepada pengurusan dakwah, faktor pemeluk Islam dan isu-isu saudara baru kerana mereka mempunyai banyak cabaran dan tanggungjawab untuk memenuhi tuntutan kehidupan sebagai seorang muslim. Ia juga memerlukan kekuatan dan kejiwaan yang besar dalam mempertahankan akidahnya agar tidak memberi ruang kepada mereka yang ingin mengambil kesempatan terhadap kelemahan dan kekurangan mereka yang baru mengenal agama Islam.

Pejabat Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah merupakan agensi agama Islam yang bertanggungjawab menguruskan saudara baru di Sabah. JHEAINS juga merupakan lokasi yang menjadi tempat tumpuan untuk mendapat bantuan kebajikan dan pengetahuan ilmu agama dalam kalangan saudara baru yang terdiri daripada pelbagai lapisan kaum di Sabah.

Justeru itu, bagi memperkasakan dan memantapkan pengurusan dakwah dan kefahaman Islam terhadap saudara baru, pelbagai usaha dan pendekatan perlu dilakukan sehingga dapat memberikan impak yang besar dari sudut pemantapan akidah, ibadah, akhlak dan keyakinan yang tinggi terhadap ajaran Islam. Proses kepada pendekatan dakwah ini boleh dilaksanakan melalui tiga pendekatan dakwah yang terdapat dalam surah al-Nahl 16:125, iaitu *dakwah bi al-Hikmah, bi al-Maw'izah hasanah* dan *al-Mujadalah*.

PERMASALAHAN KAJIAN

Sejak akhir-akhir ini, pengurusan hal ehwal saudara baru sering menjadi topik perbincangan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Kesedaran masyarakat Islam terhadap saudara baru dari segi peningkatan bilangan saudara baru di Malaysia, pendekatan dakwah terhadap saudara baru, kepentingan saudara baru dalam dakwah Islamiah, permasalahan dan pembangunan saudara baru telah membawa kepada usaha pengurusan yang lebih bersistematik. Dengan harapan saudara baru mempunyai peningkatan kefahaman agama yang baik sebagaimana masyarakat muslim yang lain (Aimi Wafa Ahmad, et. al. 2020).

Pendekatan dakwah terhadap golongan yang baru memeluk Islam adalah meluas, walaubagaimanapun pendekatan dakwah dari sudut teori adalah tidak semudah untuk diaplikasikan dan dilaksanakan kepada saudara baru kerana ia melibatkan kepada maklum balas dan keberkesanan pendekatan dakwah itu sendiri. Ia memerlukan kepada strategi dakwah untuk memastikan bahawa pendekatan dakwah yang dilaksanakan berkesan dan diterima, kajian ini dilakukan bertitik tolak daripada pandangan Abd Zamani (2021) dalam Jurnal beliau bertajuk “Pendekatan Dakwah Kepada Saudara Baru di Malaysia Kepada Saudara Muslim: Kajian Tentang Pendekatan Dakwah dan Keberkesanannya”, Dakwah kepada saudara baru merupakan satu kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh setiap muslim sama ada secara perseorangan ataupun secara organisasi.

Namun, tanggungjawab ini perlu dilaksanakan dengan pendekatan dakwah yang bersesuaian dan relevan agar mesej dakwah diterima dan diaplikasikan dalam kehidupan mereka.

Kegagalan dalam menentukan pendekatan dakwah yang sesuai kepada saudara baru merupakan antara faktor kurangnya minat dan komited mereka terhadap ajaran Islam.

Pengkaji mendapati bahawa pengurusan dakwah yang telah dilaksanakan oleh JHEAINS merangkumi aspek bimbingan, tarbiah dari segi rohani mahupun jasmani, ekonomi, bantuan kewangan dan kebajikan saudara baru adalah antara aspek yang menarik perhatian pengkaji untuk mengkaji tentang pengurusan dakwah oleh JHEAINS. Namun di sebalik itu, terdapat beberapa persoalan yang belum terjawab secara jelas mengenai bagaimana hala tuju dan bimbingan saudara baru yang berdaftar di bawah JHEAINS? Bagaimanakah untuk mengenal pasti penerimaan dan keberkesanan aktiviti dan program yang telah dijalankan oleh JHEAINS? dan adakah pendekatan dakwah yang telah dilaksanakan oleh JHEAINS menepati ciri-ciri pendekatan dakwah yang bersesuaian?

Justeru, kajian pengurusan dakwah, faktor pemelukan Islam dan isu-isu saudara baru di JHEAINS, ini dilakukan adalah untuk mencapai tujuan dan objektif kajian serta menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan. Dengan penulisan ini adalah diharapkan dapat memberikan fakta-fakta yang kukuh sebagai panduan penyelidikan ilmiah akan datang. Selain daripada itu, ia dapat dijadikan wasilah untuk para pendakwah menerokai metodologi yang lebih berkesan dalam usaha menjalankan dakwah kepada masyarakat non-Muslim dan membantu melaksanakan pendekatan dakwah yang sesuai dengan sasaran.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk dalam kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan mengambil data analisis dapatan kajian lepas melalui laporan, dokumen, buku dan artikel yang berkaitan. Tujuannya adalah untuk memperolehi maklumat daripada sumber-sumber yang berbeza menggunakan kajian perpustakaan dan alat ukur yang berlainan.

Metode kajian analisis dokumen dalam kajian ini mengambil maklumat melalui dokumen bercetak seperti Jurnal, kemasukan seminar, buku dan laporan. Melalui proses ini, pengkaji boleh mengesahkan maklumat yang diperolehi dengan menggunakan jadual senarai semak, ini membolehkan pengkaji menganalisis dokumen secara sistematik untuk memastikan sama ada data itu sepadan atau tidak dengan kajian.

Oleh itu, analisis dokumen dalam kajian ini adalah cara yang berkesan untuk menggunakan kajian reka bentuk kualitatif bagi memahami fenomena sosial dengan lebih mendalam. Penggunaan pendekatan ini bukan sahaja membolehkan pengkaji mengumpul data yang berkualiti tinggi, tetapi ia juga membantu dalam memberi cadangan yang disesuaikan dengan pengalaman dan pandangan pengkaji.

SAUDARA BARU DALAM ISLAM

Menurut agama Islam, saudara baru adalah panggilan bagi individu bukan Islam yang mempunyai harapan masuk agama Islam atau orang yang baru masuk Islam yang imannya masih lemah. Firman Allah SWT dalam al-Quran, al-Tawbah 9:60:

Maksudnya: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang faqir, dan orang-orang miskin, dan 'amil-'amil yang mengurusnya, dan orang-orang mu'allaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Ayat di atas menjelaskan terdapat empat golongan Mualaf, iaitu orang yang baru memeluk Islam dan imannya masih lemah. Keduanya, orang Islam berpengaruh yang diharapkan dapat menarik kaumnya memeluk Islam. Ketiganya, orang Islam yang berpengaruh terhadap orang kafir. Dengan pengaruh tersebut, kaum Muslimin dapat terhindar dari kejahatan orang kafir. Dan yang keempatnya, orang yang menolak kejahatan orang anti zakat (M. Abdul Mujieb et al. 1997).

Dalam kajian ini saudara baru merujuk kepada orang yang baru memeluk Islam. Mereka yang memeluk Islam sebagai agama baharu mereka biasanya mendapat perhatian dan bimbingan khusus daripada pihak berkuasa agama seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dan organisasi dakwah lain. Untuk membantu mereka menyesuaikan diri dalam kehidupan sebagai seorang Muslim dan mengukuhkan pemahaman dan amalan Islam mereka, saudara baru ini diberi pengetahuan agama, sokongan moral, kebajikan, dan bantuan kewangan.

PENGURUSAN DAKWAH JHEAINS KEPADA SAUDARA BAHARU

Bimbingan dan perhatian yang khusus diberikan kepada saudara baru di JHEAINS untuk meningkatkan pengetahuan mereka tentang Islam dan membangunkan keperibadian mereka untuk memahami kebenaran Islam. Dengan kata lain, badan dakwah yang terlibat membantu mereka memperoleh pemahaman Islam melalui pendidikan dan program yang berbeza yang mereka ikuti. JHEAINS bertanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal saudara baru di peringkat negeri. Pendaftaran mualaf, bantuan kewangan dan kebajikan melalui zakat, dan penyediaan kelas pendidikan adalah semua tanggungjawab kedua-dua organisasi ini. (Siti Adibah dan Siti Zubaidah, 2018).

Saudara baru yang memeluk Islam perlukan bimbingan, asuhan dan bantuan dari pelbagai aspek, antaranya panduan dari sudut ilmu pengetahuan berkaitan Islam kerana usaha dakwah tidak hanya terhenti setelah berjaya mengislamkan mereka, akan tetapi menjadi tanggungjawab semua umat Islam untuk membantu dan memandu saudara baru ini memantapkan akidah dan Iman mereka di atas landasan yang sebenar. (Abdul Ghafar Don et al. 2017)

Selain itu, golongan saudara baru juga memerlukan bantuan dari sudut kewangan dan kebajikan, sokongan moral dan semangat dalam menjalani kehidupan barunya yang sudah pasti terdapat pelbagai cabaran yang perlu dilalui seperti dibuang keluarga, hilang pekerjaan dan sebagainya. Maka menjadi kewajipan umat Islam membantu golongan ini, khususnya organisasi-organisasi dakwah yang diamanahkan secara langsung memikul tanggungjawab ini.

Kajian Syarul Azman et. al. (2017) menunjukkan fokus kepada isu dan masalah muallaf serta penyelesaiannya. Sebagai contoh, Hidayah Centre Foundation (HCF) telah mengadakan program dakwah jalan raya setiap minggu, tetapi beberapa badan lain tidak menyokongnya. Ketidakselarasan dalam aktiviti dakwah ini akan membawa kepada pelbagai jenis dan pendekatan dakwah yang akan mengelirukan saudara baru dalam memahami dan menghayati Islam. Selain itu, terdapat masalah mengenai pelaksanaan pengurusan yang tidak sesuai dan kesukaran untuk non muslim memeluk Islam.

Menurut Wan Mohd Fazrul Azdi et. al. (2015), proses pengislaman adalah sukar kerana terdapat banyak syarat yang perlu dipenuhi, menyebabkan mereka terpaksa datang berulang kali. Selain itu, cara saudara baru ini ditadbir dengan cara yang tidak sistematik akan memberi kesan kepada keupayaan mereka untuk mendekati dan mempelajari Islam. Oleh itu, segala-galanya perkara yang berkaitan dengan saudara baru perhatian yang serius untuk memastikan pegangan mereka dalam Islam kekal.

Daripada penulisan kajian di atas, pengkaji merumuskan bahawa masyarakat Islam perlu membantu saudara baru memahami dan menghayati Islam dengan lebih mendalam, mereka memerlukan bimbingan dan perhatian dari segi ilmu pengetahuan Islam, kewangan, dan sokongan moral. JHEAINS dan badan dakwah lain bertanggungjawab untuk menyediakan bimbingan melalui program fardhu ain, bantuan kebajikan, dan sokongan moral. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa halangan yang boleh menghalang proses bimbingan ini, seperti masalah pengurusan, ketidakselarasan dalam pendekatan dakwah, dan prosedur pengislaman yang rumit. Oleh itu, usaha yang lebih sistematik diperlukan untuk memastikan saudara baru kekal setia kepada iman mereka.

Latar Belakang Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah merupakan agensi jabatan kerajaan negeri dibawah Jabatan Ketua Menteri Sabah. JHEAINS ditubuhkan pada 1 Januari 1996 melalui kertas kabinet bil.25/95, rcc. 101/469 jilid 3. 11 Ogos 1994 bagi melaksanakan dasar-dasar Majlis Ugama Islam Negeri Sabah (MUIS). Rasional penubuhan JHEAINS adalah selaras dengan peranannya sebagai agensi pelaksana dan penguatkuasa bagi MUIS dan selaras dengan enakmen pentadbiran undang-undang Islam, no. 13/1992.

Objektif Jabatan

- Memastikan pentadbiran, penyelarasan penyeliaan dan penguatkuasaan undang-undang islam dilaksanakan dengan teratur cekap dan berkesan.
- Memastikan enakmen-enakmen semasa yang diluluskan oleh kerajaan negeri sabah dapat dilaksanakan mengikut matlamat yang ditetapkan.
- Memastikan semua usaha-usaha dakwah, sambutan hari kebesaran terbiayah islam dapat dilaksanakan mengikut jadual, kos dan matlamat yang telah ditetapkan.

Misi Jabatan

- Mewujudkan pengurusan hal ehwal Islam yang cekap dan berkesan

Visi Jabatan

- Menjadi sebuah institusi berwibawa dalam mengembangkan syiar Islam dan melahirkan masyarakat sejahtera.
- Mengurus hal ehwal Islam melalui pendidikan, dakwah dan undang-undang syariah untuk mencapai kesejahteraan ummah.

Matlamat

- Menjadi sebuah organisasi contoh dalam mengangkat martabat ummah ke arah mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat berasaskan nilai-nilai taqwa.

Fungsi Bahagian Pengerusan dan Pembangunan JHEAINS

Tujuan ditubuhkan bahagian pengurusan dan pembangunan mualaf adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman tentang perkara-perkara berkaitan saudara baru iaitu dari sudut pendaftaran, penjagaan dan pengajaran di Sabah. Kedua, mendedahkan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi selaras dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sabah 1996 dan Ketiga, mewujudkan komunikasi mesra antara saudara baru dengan Bahagian Pengurusan Dan Pembangunan Mualaf JHEAINS di peringkat awal pengIslaman. Dengan mengurus, merekod, menyelenggara, mengemas kini dan mengawal pendaftaran saudara baru, merancang dan melaksanakan program-program pendidikan saudara baru, mengenal pasti, mengurus dan menjaga hal ehwal kebajikan saudara baru dan mengurus dan melaksanakan program dakwah kefahaman Islam kepada non-Muslim.

FAKTOR PEMELUKAN ISLAM SAUDARA BARU

Secara umumnya, terdapat beberapa faktor utama menjadi pendorong kepada pengislaman saudara baru di Malaysia. Faktor-faktor tersebut dapat diklasifikasikan seperti berikut:

Hidayah daripada Allah SWT

Allah SWT sahaja yang berhak untuk memberi hidayah kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Menurut Anuar (1999), ini merupakan faktor utama mendorong saudara baru memilih agama Islam sebagai pegangan hidup mereka. Manakala mereka yang tidak mendapat hidayah Allah SWT maka mereka akan kekal dalam kekufuran. Bagi saudara baru yang menemui sinar Ilahi dengan cara demikian akan menimbulkan dalam hatinya kerelaan serta keikhlasan yang sepenuhnya untuk menuruti syariat Allah SWT dan sunnah Rasulullah saw tanpa dipengaruhi oleh pelbagai pengaruh dan kepentingan tertentu. Didapati bahawa saudara baharu mendapat hidayah Allah SWT biasanya datang melalui beberapa keadaan. Antaranya, melalui mimpi, pembacaan buku-buku agama, akhlak Islamiyyah yang hakiki, pergaulan seharian dengan rakan-rakan yang beragama Islam. Sebahagiannya memilih untuk berada di bawah bumbung Allah SWT setelah membuat kajian-kajian dan perbandingan ke atas agama yang dianuti sebelumnya.

Menurut Nur A'thiroh Masyaa'il, (2020), kenyataan daripada pengalaman dan pemerhatian jelas membuktikan bahawa faktor hidayah memainkan peranan yang penting dan amat besar kesannya sebagai penentu kepada kesungguhan serta kesediaan golongan ini untuk terus tekun berusaha mendalami, memahami, beramal, menghayati ilmu agama Islam serta beristiqamah mengamalkannya dalam segenap kehidupan. Kesyukuran yang tinggi di atas nikmat Islam dan iman yang Allah SWT kurniakan serta keinsafan yang tinggi setelah terselamat daripada kekufuran yang berkekalan juga mendorong saudara baru untuk menghayati kepentingan ilmu Allah SWT yang diibaratkan seluas lautan yang tidak bertepian. Natijah daripada itu akan melahirkan saudara baru yang cekal, tabah dan sabar dengan cabaran hidup selepas melafazkan dua kalimah syahadah dalam pembentukan akhlak Islamiyyah, berpaksikan syariat Allah SWT dan memelihara aqidah Islamiyyah agar tidak tergoyah walaupun diseksa seperti Bilal Bin Rabah dan lain-lainnya lagi.

Faktor Perkahwinan

Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao (2020) menjelaskan, perkahwinan juga memainkan peranan yang penting menyebabkan seseorang *non Muslim* untuk menerima Islam walaupun ia tidak dikategorikan sebagai faktor utama. Sebagai buktinya ramai di kalangan saudara baru memilih untuk berkahwinan sesama saudara baharu. Dengan langkah yang demikian akan memudahkan antara satu sama lain, terutamanya soal persefahaman dalam pelbagai aspek selagi ianya tidak bercanggah dengan syariat Islam.

Namun tidak dapat dinafikan bahawa terdapat segelintir saudara baru yang memilih untuk berkahwin dengan orang Melayu (Islam) selepas mereka memeluk Islam. Ini membuktikan bahawa perkahwinan bukanlah wasilah utama penerimaan Islam di kalangan saudara baru, namun tidak dapat dinafikan ia adalah antara faktor pendorong kepada saudara khususnya berbangsa Cina untuk memeluk Islam.

Faktor Ikut-ikutan

Wan Zuhaira Nasrin Wan Zainudin (2018) menyatakan bahawa faktor ikut-ikutan merupakan antara faktor utama yang menyebabkan ramai di kalangan saudara baru memilih untuk memeluk Islam. Dalam kedudukan latar belakang komuniti yang sama daripada segi suku kaum, pekerjaan, status diri dan lain-lain. Tambahan pula sekiranya orang berpengaruh di kalangan mereka memeluk Islam, maka kebiasaannya akan dituruti oleh beberapa orang anggota masyarakat yang lain.

Menurut Wan Zuhaira Nasrin Wan Zainudin (2018), natijah daripada memeluk Islam secara ikut-ikutan ini kebiasaannya tidak menunjukkan ciri-ciri keislaman (walaupun sedikit) dalam amalan kehidupan harian mereka. Pemerhatian pengkaji mendapati bahawa mereka masih mengamalkan secara total ajaran-ajaran Islam seperti memakan daging babi, berjudi, minum arak, menambah roh-roh nenek moyang dan orang perseorangan yang dianggap keramat kepada mereka. Selain itu, mereka juga tidak menunjukkan minat untuk mendalami agama Islam. Ini adalah kesan daripada mereka memilih Islam bukan di atas kesedaran diri tetapi hanya ikut-ikutan sahaja. Namun, pengkaji berkeyakinan fenomena sedemikian hanya sementara (di awal memeluk Islam) sahaja sekiranya pelbagai pihak sama-sama berperanan dalam mendekati mereka.

Kepentingan Tertentu

Menurut Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao (2020), dari pengalamannya mendapati bahawa sebahagian saudara baru memeluk Islam di atas dasar kepentingan tertentu yang disediakan sekiranya mereka memeluk Islam. Namun yang demikian, hakikat tersebut tidak dapat dibuktikan dengan tepat kerana ia adalah isu-isu subjektif dan tidak mampu ditafsirkan secara terbuka.

Anuar Puteh et. al. (2015) telah menyenaraikan beberapa kepentingan tertentu yang mendorong mereka memilih agama Islam iaitu:

- a) Mereka beranggapan bahawa segala hak keistimewaan orang Melayu atau Bumiputera mengikut Perlembagaan Persekutuan adalah layak untuk dimiliki setelah memeluk Islam. Ini kerana mereka menterjemahkan memeluk Islam bererti masuk Melayu.
- b) Terdapat ahli perniagaan yang memeluk Islam untuk memudahkan urusan perniagaan mereka dengan orang Melayu.
- c) Untuk kepentingan jaminan masa depan anak cucu.
- d) Mengambil tindakan untuk melepaskan diri daripada tindakan undang-undang setelah melakukan kes-kes jenayah atau kesalahan yang sabit dengan undang-undang negara.

Pada pandangan Nur 'Athirah Masyaa'il, faktor kepentingan tertentu yang menarik perhatian saudara baru untuk memeluk Islam adalah tidak wajar diamalkan kerana sekiranya mereka berniat untuk tujuan mendapat kepentingan maka setakat itulah konsep pemahaman Islam dalam dirinya, malahan akan mengundang kebarangkalian mereka akan kembali ke agama asal sekiranya apa yang dihajati tidak kesampaian.

Manakala menurut MR Daulay, HR Pulungan (2022), berdasarkan perakuan saudara baru, faktor-faktor konversi kepada agama Islam berlaku atas beberapa sebab, iaitu.

- i. Islam memberi jaminan hidup yang lebih luas.
- ii. Islam memberi penekanan yang lebih seimbang dalam aspek kejiwaan dan kebendaan.
- iii. Islam mempunyai kewibawaan yang lebih.
- iv. Islam menjamin keadilan sosial.
- v. Doktrin ketuhanan Islam lebih mudah difahami.
- vi. Islam menitikberatkan hubungan kekeluargaan, persaudaraan sesama manusia.
- vii. Sifat-sifat ajaran Islam lebih rasional dan intelektual.
- viii. Soal pembalasan hari akhirat boleh diterima akal.

Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa faktor-faktor pendorong seseorang memeluk Islam adalah pelbagai keadaan. Faktor hidayah daripada Allah SWT adalah mutlak dan selebihnya juga mendorong saudara baru untuk memilih Islam sebagai pegangan hidup. Selain itu, akhlak mulia yang ditunjukkan oleh Muslim juga menjadi antara faktor-faktor pengislaman di kalangan saudara baru. Namun yang demikian, niat yang tulus ikhlas kerana Allah SWT akan membawa saudara baru menikmati keindahan dan kemanisan berada di bawah payung Allah SWT.

ISU-ISU SAUDARA BARU DI JHEAINS

JHEAINS berhadapan dengan pelbagai isu dalam melaksanakan pengurusan saudara baru di Negeri Sabah ini. Antara isu yang dikendalikan oleh JHEAINS ialah isu saudara baru yang ingin murtad, isu tuntutan bantuan kewangan dan isu perebutan jenazah saudara baru dengan ahli keluarga yang bukan Muslim. Bagi isu murtad, terdapat tiga kategori permohonan iaitu saudara baru yang Islam di Sabah dan mohon murtad di Sabah, saudara baru yang Islam di Sabah dan memohon murtad di negeri lain, saudara baru yang Islam di negeri lain dan memohon murtad di Sabah dan Menurut statistik, setakat ini terdapat 84 orang (Pendaftaran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, Daerah Kudat) permohonan untuk murtad di Sabah saudara baru yang dalam proses permohonan murtad di Mahkamah Syariah Daerah Kudat ini diserahkan kepada Bimbingan Kunseling di JHEAINS dan juga kelas bimbingan saudara baru yang terdiri daripada kader sukarelawan saudara baru untuk didekati dan dizarahi. Selain itu, terdapat juga saudara baru yang mengadu tidak dibantu oleh pihak JHEAINS dari segi kewangan. (Laporan JHEAINS, 2023)

Setelah selesai proses pengislaman, semua saudara baru akan diberikan jadual kelas pengajian Fardu Ain dan jadual kursus yang diadakan oleh JHEAINS. Oleh itu, setiap saudara baru yang mengikuti kelas dan kursus akan sentiasa mendapat info tentang proses bantuan dan sebagainya, berbanding pihak yang tidak mengikuti kelas akan ketinggalan dari sudut maklumat. Pihak JHEAINS juga mengadakan program Pemantapan Aqidah Masjid dan tiga buah surau di

setiap daerah yang mempunyai ramai saudara baru. Program ini mengambil slot kuliah magharib untuk memberikan penerangan kepada masyarakat cara menangani saudara baru yang datang mengadu tentang bantuan yang tidak mencukupi daripada JHEAINS atau tidak mendapat bantuan. Masyarakat setempat Lipohon untuk mendengar dahulu dan menghubungi pihak JHEAINS untuk tindakan lanjut. Hal ini untuk mengelakkan masyarakat yang tidak faham membuat komen-komen yang tidak sepatutnya sehingga menimbulkan salah faham di kalangan masyarakat. Program ini juga memberi kefahaman kepada masyarakat bahawa proses pengislaman dan proses pendaftaran pengislaman adalah dua proses yang berbeza. Proses pengislaman boleh dibuat di mana-mana sahaja dan oleh sesiapa sahaja yang muslim, aqil dan baligh, manakala proses pendaftaran pengislaman sahaja yang perlu dibuat di pihak pendaftar. (laporan JHEAINS, 2023)

Bagi isu pengurusan jenazah saudara baru pula, terdapat beberapa isu perebutan jenazah antara keluarga jenazah dan pihak JHEAINS. Bagi isu ini, langkah pertama yang akan diambil ialah siasatan oleh Seksyen Pendaftaran dan Rekod tentang butiran pengislaman jenazah untuk membuktikan bahawa jenazah telah memeluk Islam. Setelah ada bukti, maka perbincangan dengan ahli keluarga akan diadakan dan diketuai oleh Kelas Bimbingan Saudara Baru Daerah Kudat yang terdiri daripada kader sukarelawan saudara baru laporan polis akan dibuat untuk menahan jenazah daripada diuruskan oleh pihak keluarga dan dalam masa yang sama perbincangan akan dibuat dengan keluarga jenazah untuk menuntut agar diuruskan oleh pihak JHEAINS. Sekiranya keluarga berkeras, maka kes tersebut akan dibawa kepada mahkamah dan mohon kedua-dua pihak mengemukakan bukti. Kebiasaannya mahkamah akan mengisytiharkan kuasa menguruskan jenazah diberi kepada JHEAINS kerana mempunyai bukti dan dokumen yang lengkap. Namun yang demikian, kebanyakan kes mampu diselesaikan di pihak keluarga tanpa melibatkan mahkamah. (Laporan JHEAINS, 2023)

PENUTUP

Untuk memastikan pengurusan dakwah terhadap saudara baru berjalan dengan tersusun semua pihak harus bekerjasama dan memainkan peranan yang lebih jitu agar setiap tugas yang dilakukan akan membuahkan hasil yang terbaik. Di negeri Sabah, JHEAINS dan badan-badan dakwah dan orang perseorangan telah memainkan peranan masing-masing untuk mencapai hasrat yang murni ini.

Dalam usaha untuk membantu pihak berkuasa agama khasnya JHEAINS, dalam tugas berkaitan pengurusan dakwah terhadap saudara baru dicadangkan beberapa langkah untuk penambahbaikan. Di antara masalah yang sering dihadapi oleh saudara baru ialah masalah kewangan dan tempat tinggal, kefahaman agama dan penghayatan pengibadatan. Masalah ini saling berkait antara satu sama lain sehingga memberi kesan tidak baik kepada umat Islam keseluruhannya. Setelah memeluk Islam didapati sebahagian saudara baru tidak diberi perhatian berkaitan ajaran agama Islam, terputus sumber kewangan menyebabkan mereka tidak mampu

membayar sewa rumah, meneruskan perniagaan atau pengajian dan sebagainya. Sebagai salah satu jalan keluar untuk mendapatkan sumber bagi membantu golongan ini, pihak berkuasa yang diberikan tanggungjawab dalam hal yang berkaitan dengan golongan ini dicadang melaksanakan beberapa tindakan seperti berikut:

- a) Tugas Pendakwahan Bahagian Unit Dakwah JHEAINS perluingkatkan lagi kemahiran pengurusan dakwah terhadap saudara baru. Dalam aspek penyampaian dakwah, staf-staf yang terlibat di barisan hadapan seperti penceramah, motivator, guru-guru pembimbing wajar menggunakan aplikasi-aplikasi terkini teknologi seperti multimedia, internet, sidang video, audio-video streaming dan sebagainya. Ia perlu terutama dunia kini tiada lagi had sempadan alam mayanya. Kedaan masyarakat sekarang khususnya generasi muda yang dibesarkan dalam persekitaran teknologi komputer telah menjadikan pendekatan ini semakin diperlukan.
- b) Pihak JHEAINS yang lebih arif tentang kemasukan seseorang saudara baru ke dalam Islam boleh menawarkan kepada umat Islam untuk menjadi keluarga angkat kepada seseorang saudara baharu. Keluarga yang terpilih hendaklah terdiri dari mereka yang tinggal berhampiran tempat tinggal saudara baru berkenaan. Tujuannya selain daripada menjadi keluarga angkat dan diberikan peruntukan tertentu untuk mengurangkan beban saudara baharu, mereka akan diberi tanggungjawab untuk membimbing dan membantu dalam pelbagai aspek.
- c) Mengadakan kelas bimbingan fardhu ain dan kelas tahsin ibadat. Kelas bimbingan ini merupakan kelas bimbingan yang amat diperlukan dan ia saling berkaitan di antara satu sama lain.
- d) Mengadakan majlis-majlis khas untuk golongan saudara baru Majlis-majlis khas ini antaranya majlis musabqah membaca al-Quran, majlis perjumpaan mingguan atau bulanan, majlis perkahwinan yang ditaja dan sebagainya. Usaha pihak-pihak tertentu yang telah memulakan dan memperhebatkan cadangan ini di beberapa tempat harus dicontohi dan disokong dan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab di tempat sendiri.
- e) Memberikan bantuan kewangan jika masalah kewangan yang dihadapi golongan saudara baru, Di antara yang boleh dilakukan oleh masyarakat tempatan ialah menyalurkan bantuan kewangan yang boleh dirancang sumbernya kepada golongan saudara baru. Sumber yang mudah mungkin datangnya daripada dana kutipan Jumaat yang diperolehi hasil sumbangan jamaah pada hari Jumaat.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pengurusan dakwah dan isu-isu saudara baru boleh membantu mereka menangani masalah yang dihadapi mereka dalam meningkatkan kehidupan beragama. Sokongan daripada pelbagai pihak boleh membantu saudara baru melakukan kebaikan dan berpegang teguh dengan ajaran agama Islam. Beberapa sokongan sosial yang diperlukan oleh

saudara baru untuk menangani kesukaran dan kesukaran yang datang dengan menjadi saudara baru termasuk sokongan daripada Jabatan agama Islam dan NGO Islam dari segi kelas bimbingan agama, pengiktirafan diri, kewangan dan kebajikan, pekerjaan, pendidikan, dakwah dan kaunseling. Oleh itu, sokongan sosial dalam kalangan saudara baru adalah penting untuk membantu dan mendorong saudara baru untuk terus kuat dalam menghadapi dugaan Allah. Oleh itu, semua masyarakat Islam perlu bersatu dalam usaha menyediakan sokongan sosial kepada saudara baru kerana usaha yang bersungguh-sungguh dan berterusan boleh membantu saudara baru mengekalkan keyakinan mereka terhadap prinsip dan ajaran agama Islam.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

- A Awang (2017). Muhajir penjana interaksi dan toleransi beragama saudara baru-Muslim-Non-Muslim
- Abd. Razak Md Ali et al. (2019) faktor guru mengajar dan melayan pelajar dengan baik mampu memberi kepuasan kepada pelajar saudara baharu terhadap kelas Fardu Ain Muallaf Lembaga Zakat Selangor di Daerah Klang
- Abdilah, M. Saleh Sjafe'i, ,(2019) Konversi Agama (Studi Fenomenologi Pada Muallaf Tionghoa Di Kota Banda Aceh)
- Abdul Ghafar, Anuar Puteh & Razaleigh Muhamat. (2017). Isu dan Cabaran Dalam Dakwah Saudara Baharu. Akses pada 5 Januari 2024 di <https://www.researchgate.net/publication/319477805> Isu Dan Cabaran Dalam Dakwah Saudara Baru.
- Aimi Wafa Ahmad, Nur Najwa Hanani Abd Rahman, Sokongan Sosial: Satu Keperluan Dalam Pemerkasaan Saudara Baru, Jurnal Pengajian Islam, Vol. 13, No. 2 (November), 2020, 238-253.

- Anuar Puteh, Razaleigh Muhamat @ Kawangit dan Rosmani Hussin. 2015. Pelaksanaan Kurikulum Bimbingan Saudara Baru di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan. Isu-Isu Pengurusan Saudara Muslim. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmawati Suhid (2021) Pandangan positif pelajar saudara baharu terhadap amalan pengajaran guru.
- Azaruddin Awang (2015) Faktor Pemelukan Agama Islam: Kajian Terhadap Komuniti Saudara Muslim Cina di Negeri Terengganu
- Azman et.al (2015) Persepsi mualaf Terhadap pengislaman dan Program Penmbangunan Mualaf di Negeri Sembilan
- EAZ bin Engku Alwi (2017) Aktiviti Dakwah Jakim Terhadap Masyarakat Orang Asli: Pelaksanaan Dan Cabarannya
- IM Subri, AA Rahman, MA Mutalib (2015) Penerimaan Penggunaan Istilah Mualaf dalam Kalangan Mualaf di Malaysia
- K Kartini - Madani: Jurnal Ilmiah Multidisiplin, (2023), Metode Hikmah Dalam Berdakwah (Study Tafsir Surat An-Nahlu Ayat 1.
- Laporan program dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah 2023
- Marlon (2014), Pengertian mualaf dan panggilan lain yang biasa digunakan dalam masyarakat kita di Malaysia selain dari perkataan ini seperti ‘Saudara Baharu.’
- M Esa, AA Abdullah, N Deuraseh (2017) Implementasi Konsep Pengurusan Dakwah Satu Tinjauan Awal Di Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).
- MR Daulay, HR Pulungan (2022) Faktor Pendorong Terjadinya Perpindahan Agama di Luar Islam (Analisis Pengakuan Muallap)
- M Sabtu, MN Omar (2023) dalam jurnal yang bertajuk Metodologi Dakwah Bil Hikmah Terhadap Saudara Baharu Di Perkim Bahagian Melaka’
- Muhammad Isa Md Said (2021) Modul Penilaian tahap kefahaman dan penghayatan saudara baharu terhadap modul Travelog Syahadah Mualaf melalui program Rakan Ziarah
- MZA Ghani, K Osman, AI Mokhtar, (2017) Penerapan fiqh awlawiyyat dalam dakwah kepada saudara baharu.
- NA Azhari (2019) Metodologi dakwah Pertubuhan Kebajikan Darul Azim kepada mualaf di Selangor
- NA Hamid, K Ismail (2021) Pendekatan Dakwah Kepada Saudara Baharu Di Malaysia: Satu Sorotan
- ND Zakaria, R Azahari - AR-RĀ'IQ, (2022) Menghayati Nilai Iman, Islam dan Ihsan dalam
- NHM Haridi – (2016) Program agama di pusat pemulihan akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Kajian dari aspek pelaksanaan dan keberkesanan Mendepani Cabaran Kontemporari

- Nur A'thiroh Masyaa'il (2020) Faktor hidayah memainkan peranan yang penting dan amat besar kesannya sebagai penentu kepada kesungguhan serta kesediaan golongan ini untuk terus tekun berusaha mendalami.
- SF Abdullah, AA Yazid, S Abdullah (2020) Kaedah Pengajaran Solat Program Bimbingan Muallaf di Pusat Bimbingan dan Latihan Saudara Baharu (PUSBA).
- Nurayuni Adibah Abdullah et. al (2019) Persepsi Muallaf Terhadap Modul Pengajaran Kelas Fardu ain (KFAM), Daerah Hulu Langat, Selangor'
- Sh. Mohd Firdaus Bin Sh. Othman (2021) Persepsi Saudara Baharu Terhadap Kelas Bimbingan Fardu Ain Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip) Di Pahang
- Sharul Wizan (2019). sekitar 10 peratus ke 20 peratus sahaja daripada keseluruhan jumlah saudara baharu asli yang memeluk agama Islam hadir ke kelas.
- Siti Fathimatul Zahrah binti Yusri & A'thiroh Masyaa'il Tan binti Abdullah @ Tan Ai Pow (2015) Aspek kemahiran tenaga pengajar iaitu berpendapat bahawa keberkesanan pengajaran mempunyai perkaitan dengan cara penyampaian sesuatu ilmu pengetahuan.
- SNH Abd Zamani, NA Saad, NA Hamid, K Ismail - Jurnal'Ulwan, (2021) Pendekatan Dakwah Kepada Saudara Baru di Malaysia: Satu Sorotan
- Wan Zuhaira Nasrin Wan Zainudin (2018) Faktor Pemelukan Agama Islam: Kajian Terhadap Komuniti Saudara Muslim Cina di Negeri Terengganu.
- Zulkefli bin Aini et al. (2014) penyampaian metode dakwah secara hikmah melalui sikap pengajar yang jujur serta berbicara mengikut kesesuaian tahap pemikiran.
- Zulkiple (2021) Pembangunan Kurikulum Pendidikan Islam Islam Di Kalangan Muallaf.